

19/10/2001

PM arah Kementerian Kesihatan cari rawatan alternatif bagi penyakit Aids

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan supaya Kementerian Kesihatan mencari kaedah rawatan lain sebagai alternatif kepada rawatan penyakit Aids yang diamalkan sekarang kerana ubat antiretroviral yang digunakan sangat mahal.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata cadangan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri ketika mesyuarat Kabinet, semalam.

"Misalnya, ketika ini ada rawatan herba digunakan di India yang dikatakan boleh membantu pesakit Aids. Jadi, kita akan menjalankan kajian ini bagi membantu pesakit Aids yang memerlukan rawatan supaya dapat meneruskan kehidupan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kelima Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai Aids di sini, hari ini.

Mesyuarat yang berlangsung selama empat jam itu dihadiri wakil daripada 14 kementerian, agensi kerajaan serta Majlis Aids Malaysia.

Katanya, rawatan penyakit Aids yang murah boleh membantu mengurangkan kejadian jangkitan virus dan penyakit itu dalam jangka panjang.

Tahun lalu, katanya, kerajaan membelanjakan RM4.1 juta untuk membeli ubat antiretroviral yang didapati berkesan merawat penyakit Aids.

Daripada jumlah itu, RM3 juta digunakan untuk membeli ubat Zidovudine.

"Kos rawatan seorang pesakit Aids ketika ini ialah sebanyak RM1,400. Walaupun pindaan Akta Paten yang membolehkan ubat lebih murah dibeli dari negara ketiga berjaya mengurangkan kos rawatan kepada RM1,000 sebulan, ia masih lagi mahal," katanya.

(END)